

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Terlebih dahulu, izinkan saya untuk menjawab soalan ini secara bersekali dengan soalan yang telah dikemukakan oleh YB Kamar, bertarikh 18 Jun 2014 (Soalan No - 48) yang telah menyentuh isu yang sama berkaitan Pembayaran '*One Off*' kepada Veteran Tidak Berpencen Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagai makluman YB, pihak kementerian telah membelanjakan sebanyak RM84.312 juta bagi tujuan sumbangan RM1,000 secara *One-Off* kepada Veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) tidak berpencen yang dikenali sebagai Sumbangan Veteran ATM Tidak Berpencen 1Malaysia (SVTB1M). Ianya melibatkan pemberian kepada 77,737 orang Veteran dan 6,575 orang balu/duda kepada Veteran yang tidak berpencen.

Pemberian sumbangan ini adalah sebagai pengiktirafan dan penghargaan Kerajaan ke atas jasa dan pengorbanan yang telah mereka curahkan semasa berkhidmat dalam ATM dalam mempertahankan kedaulatan negara. Baki daripada peruntukan yang telah disediakan bagi tujuan ini telah dipulangkan kembali kepada Kementerian Kewangan Malaysia.